

JANGAN SLAP

B.H. 8 AUG 1993

PILIH PEMIMPIN: PM

Oleh Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kesilapan memilih pemimpin yang mengamalkan ideologi atau pendekatan yang salah akan merugikan negara dan rakyat menjadi mundur.

Menurutnya, rakyat harus bijak memilih pemimpin yang bertanggungjawab, berkemampuan, jujur, ikhlas serta berawasan menjaga nasib dan kebajikan mereka.

"Malaysia menjadi sebuah negara yang berjaya mengatasi masalah politik, ekonomi dan sosial kerana mempunyai pemimpin bukan saja berkemampuan dan dedikasi tetapi juga ikhlas serta jujur.

"Tidak ada yang lebih buruk bagi sesuatu negara daripada mendapat pemimpin yang tidak berwibawa," katanya ketika berucap di Mesyuarat Agung ke-40 MIC, di sini, semalam.

Hadir di majlis itu ialah Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan timbalannya, Datuk S Subramaniam, serta pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir berkata, kejadian di beberapa negara sudah membuktikan bahawa sebuah negara yang kaya dengan hasil bumi dan mempunyai tenaga kerja yang mahir tidak berupaya memba-

pinnya tidak berwibawa.

Mengenai pembabitan semua lapisan masyarakat mencapai Wawasan 2020, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memastikan tidak ada mana-mana kaum yang diketepikan sebaliknya yakin semua kaum memperoleh peluang dan faedahnya.

"Di negara ini, tidak ada halangan dan sekatan terhadap usaha mengumpul harta kekayaan. Semua kaum bebas mencari kekayaan. Bagi mereka yang sanggup berusaha kuat dan tabah menghadapi cabaran, mereka boleh berjaya.

"Kejayaan tidak mengenal kaum. Ini terbukti jika kita lihat mereka yang berjaya dalam sektor korporat adalah daripada pelbagai kaum," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, hakikat hidup dalam masyarakat berbilang kaum adalah faktor tambahan untuk membuktikan kepada dunia bahawa masyarakat majmuk di negara ini tetap hidup aman, maju dan makmur.

"Tidak ada sebab kita tidak boleh membina kejayaan yang lebih besar bersama-sama pada masa depan. Yang penting ialah kestabilan politik negara perlu dikekalkan.

"Hanya kerajaan BN saja yang boleh menjamin kestabilan negara akan berterusan," katanya.